

BH 7/10/19

(B)

Harga kereta baharu penanda aras kurangkan kadar tol

Dari muka 25

Pada akhir bulan lalu, RRJ dilaporkan mengemukakan tawaran pembelian PLUS sebanyak RM3 bilion tunai dan pengurangan tol sebanyak 20 peratus.

Mengulas lanjut, Ong berkata, harga kereta baharu akan dijadikan sebagai penanda aras untuk menentukan kelayakan pengurangan kadar tol bagi pengguna di lebuh raya milik PLUS.

"Sebagai contoh, jika anda memiliki sebuah kereta Proton yang berharga RM40,000 dan dibeli pada tahun 2015, maka anda layak menikmati diskaun 30 peratus itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, RRJ Capital juga bercadang untuk membawa masuk teknologi moden dan terkini termasuk sistem baharu EZPASS ke dalam pengurusan lebuh raya itu dan mahu menghapuskan pondok dan palang tol.

Katanya, pihaknya akan beralih kepada sistem pembayaran lebih canggih menggunakan bacaan pada nombor pendaftaran kereta dan tidak memerlukan kereta untuk berhenti seperti sistem semasa, sekali gus mengurangkan kesesakan di plaza tol.

"Selain itu, kami bercadang memperkenalkan laluan ekspres khas untuk kereta yang membawa tiga dan empat penumpang pada waktu puncak. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan orang ramai untuk berkongsi kereta pada masa akan datang.

"Namun, saya ingin tegaskan bahawa apa yang penting bukan

